

This policy covers KHB Head Quarter, Tawau and GM-Office, Syarikat Kretam Mill, Abedon Mill, Silimpopon Mill, Syarikat Kretam Plantations, Abedon Sdn. Bhd. and Tioman Baru Sdn. Bhd.

KRETAM HOLDINGS BERHAD (KHB)

POLISI PENGANGKUTAN

Polisi Pengangkutan ini membuktikan kesungguhan pihak pengurusan untuk memastikan dan mencapai tahap keselamatan yang tinggi dalam kalangan pengguna jalan raya di kawasan-kawasan miliknya. Ia meliputi para pekerjanya, tanggungan pekerja, pembekal, kontraktor dan juga pelanggan serta pelawat. **KHB** akan melakukan apa jua yang termampu untuk mengurangkan tahap risiko pendedahan terutama ke atas para pekerjanya dan mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengurangkan kemalangan serta kesan atau akibat daripadanya, seterusnya mencapai sasaran kematian **SIFAR** akibat daripada kemalangan yang melibatkan pengangkutan.

Untuk itu, adalah menjadi Polisi **KHB** untuk:

- Memastikan semua kenderaan perlادangan diselenggara secara berjadual dan dikendalikan dengan penuh tanggugjawab dan selamat.
- Mendidik dan memberi panduan kepada semua kontraktor, para pemandu, penduduk dan para pekerjanya tentang menggunakan jalan secara selamat dan bertanggungjawab di samping meningkatkan kemahiran atau kompeten para pemandu syarikat.
- Mematuhi Akta Pengangkutan Jalan dan peraturan-peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh **KHB**.
- Mengadakan prosedur untuk melapor dan menyiasat semua jenis kemalangan yang melibatkan kenderaan di kawasan ladang seterusnya mengambil langkah-langkah setakat yang praktik untuk mencegah kemalangan yang sama daripada berulang.
- Memastikan setiap pekerja yang menggunakan kenderaan syarikat tahu dalam melaksanakan tanggungjawab peribadi dan bersama untuk menggunakan kenderaan di bawah jagaan mereka secara selamat.
- Memastikan semua kontraktor atau pembekal barang dan perkhidmatan mematuhi Garis Panduan Polisi Pengangkutan **KHB** sama ada mereka beroperasi untuk **KHB** atau harta milikan **KHB**.
- Memastikan para pemandu syarikat sentiasa diberikan latihan yang berkaitan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan selamat.



WONG LEN KEE

(Pengarah)

7 Januari 2015